

KANGAR, 29 NOV (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED MENEGASKAN HARI INI BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBENARKAN SEBARANG PARTI POLITIK YANG BERPEGANG KEPADA FAHAMAN KOMUNIS DITUBUHKAN DI NEGARA INI. 1976

KATANYA, WALAUPUN RAKYAT BEBAS MEMBENTUK PARTI POLITIK TETAPI PARTI KOMUNIS TELAH DIHARAMKAN SEJAK SEBELUM MERDEKA LAGI.

PENGHARAMAN PARTI KOMUNIS BUKAN SEMATA-MATA KERANA PERCUBAAN MEREbut KUASA SECARA BERSENJATA TETAPI KERANA FAHAMAN ITU DIANGGAP BERTENTANGAN DENGAN KEHENDAK DAN KEPERCAYAAN ORANG-ORANG MALAYSIA.

PARTI YANG BERASASKAN KEPADA IDEOLOGI LAIN SEPERTI SOSIALISMA TIDAK DIHARAMKAN ASALKAN MEREKA TIDAK TERLIBAT DENGAN GERAKAN KOMUNIS ATAU PERCUBAAN MERAMPAS KUASA DENGAN SENJATA, KATANYA.

+SEBAB ITU PARTI YANG BERIDEOLOGI SOSIALIS TELAH BERADA SEJAK MERDEKA DAN TIDAK DIHARAMKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN ATAU MALAYSIA KERANA IDEOLOGINYA, + KATANYA KETIKA BERUCAP KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN BARISAN NASIONAL NEGERI PERLIS DI KOMPLEK PELBAGAIGUNA DI SINI.

DR. MAHATHIR MENEKANKAN OLEH ITU TIDAK ADA SEBAB KENAPA DASAR DAN AMALAN INI MESTI DIHENTIKAN.

+POLISI DEMOKRASI BERPARLIMEN, POLISI MENGHARAMKAN KOMUNIS, POLISI MEMBENAR PARTI-PARTI LAIN UJUD TERMASUK SOSIALIS, POLISI MENGGUNA APA JUGA CARA YANG BERGUNA DAN BAIK BAGI BANGSA DAN MASYARAKAT, POLISI JARAKSAMA-JARAK BIDAN BERKECUALI SEMUANYA DISUSUN SEJAK MERDEKA LAGI, + KATANYA.

KERAJAAN YANG ADA SEKARANG MASIH PERCAYA KEPADA POLISI-POLISI INI DAN SANGGUP MENERUSKANNYA.

SEBALIKNYA JIKA ADA SESIAPA YANG TIDAK BERSETUJU DENGAN POLISI-POLISI INI, IAITU TIDAK BERSETUJU ADANYA SYARIKAT-SYARIKAT MILIK NEGARA, FELDA, TABUNG HAJI, KOPERASI-KOPERASI, DASAR BERKECUALI DAN JARAK SAMA JAUH MENGIKUT SISTEM YANG ADA SEKARANG MEREKA BOLEH MENYUARA DAN MEMBAHASKAN SECARA TERBUKA.

DENGAN CARA INI, TEGASNYA, DAPATLAH DITENTUKAN SEMULA DASAR DAN SIKAP UMNO SERTA KERAJAAN TANPA PECAH BELAH AKIBAT UCAPAN DAN SINDIRAN YANG TIDAK TEPAT.

TURUT HADIR IALAH ISTERI TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHAMED ALI, MENTERI BESAR PERLIS DATUK HAJI JAAFAR HASSAN DAN SETIAUSAHA KERAJAAN PERLIS DATUK MANSOR

WALAU PUN UMNO DAN KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI IDEOLOGI YANG TERTENTU TETAPI PARTI ITU DAN KERAJAAN TIDAK PERNAH MENERTAKAN SOSIALISMA SEBAGAI IDEOLOGI BAGI PARTI ATAU NEGARA. -- BERSEKUTUAN
1730/ZCM

143/8

175

14238

MENURUT DR. MAHATHIR PENDIRIAN POLITIK KERAJAAN DAN UMNO ADALAH BERASASKAN KEPADA KEBANGSAAN, KEAGAMAAN DAN KEBAIKAN MASYARAKAT.

KATANYA, UMUMNYA UMNO DAN KERAJAAN BERPEGANG KEPADA SISTEM +FREE ENTERPRISE+ YANG TERKAWAL DALAM MANA RAKYAT BEBAS BERNIAGA DAN MENCARI KEKAYAAN DAN DISAMPING ITU UMNO DAN KERAJAAN JUGA MENERIMA KONSEP PERUSAHAAN NEGARA.

SEJAK MERDEKA PERUSAHAAN KERETAPI, PELABUHAN, POS DAN TALIKOM, RADIO DAN TALIVISIYEN, PENERBANGAN DAN LETRIK MERUPAKAN PERUSAHAAN NEGARA.

KEMUDIAN DITAMBAH PULA BERBAGAI JENIS PERNIAGAAN MILIKNEGARA SEPERTI FELDA, PKEN-PKEN, SYARIKAT-SYARIKAT ANJURAN MARA, FAMA, FIMA, PERNAS, PETRONAS DAN LAIN-LAIN LAGI YANG TERLAKU BANYAK UNTUK DIHITONGKAN, TAMBAHNYA.

BELIAU MENERANGKAN SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA JUGA DITUBUH UNTUK MENENTUKAN KAPITALIS TIDAK MENGUASAI SEMUA PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN. KERAJAAN DENGAN TEGAS MENYOKONG KOPERASI-KOPERASI DAN MEMBANTUNYA SECARA LANGSUNG.

BELIAU MENEGASKAN, +PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN YANG DIMILIK-NEGARA DAN SYARIKAT-SYARIKAT KERJASAMA ADALAH CARA YANG DIBENTUK OLEH SOSIALIS DAN JUGA KOMUNIS. -- BERSAMBUNG 1800/ZCM

+TETAPI INI TIDAKLAH BERMAKNA BAHAWA KERAJAAN-KERAJAAN MALAYA DAN MALAYSIA SEJAK TAHUN 1957 SEHINGGA SEKARANG ADALAH DIPENGARUHI OLEH SOSIALIS ATAU KOMUNIS, + TAMBAHNYA.

+SEPERTI MANA PENIRUAN SISTEM DEMIKRASI TIDAK BERMAKNA BAHAWA KITA SUDAH MENJADI NEGARA KRISTIAN, BEGITU JUGA PENGGUNAAN CARA YANG DIGUBAH OLEH SOSIALIS DAN KOMUNIS TIDAK MENJADIKAN KITA SOSIALIS ATAU KOMUNIS, + TEGASNYA LAGI.

+KITA MENGADAKAN PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN NEGARA KERANA KEPENTINGAN KEBANGSAAN DAN KEAGAMAAN. +

TETAPI SISTEM FREE ENTERPRISE+ TANPA HAD ADALAH SISTEM KAPITALIS TOTOK YANG MEMBERI KEKAYAAN CUMA KEPADA BEBERAPA KERAT MANUSIA YANG BERNASIB BAIK SAHAJA.

MEREKA INI HIDUP MEWAH DAN MEMILIKI HARTA DAN KEKAYAAN KERANA KECEKAPAN BERNIAGA, KERANA BERPENGARUH DAN KERANA SIKAP YANG TIDAK SOPAN.

BELIAU BERKATA BAGI KEBANYAKAN RAKYAT SISTEM +FREE ENTERPRISE+ YANG TIDAK DIHADKAN BERMAKNA PENINDASAN DAN KEMISKINAN KERANA MEREKA TIDAK AKAN MENDAPAT DAERAH SAMA SEKALI.

+DI NEGARA INI FREE ENTERPRISE ADALAH DIKAWAL DAN TIDAK MENYELURUH, + TEGASNYA. -- BERSAMBUNG 1803/ZCM

EE

B609:

MAHATHIR - KOMUNIS 4 KANGAR

DR. MAHATHIR MENERANGKAN TUJUAN KERAJAAN MENGADAKAN +PERUSAHAAN AWAM IALAH SUPAYA SEBAHAGIAN DARI KEKAYAAN DAPAT DIMILIKI OLEH KERAJAAN SEBAGAI PEMEGANG AMANAH BAGI RAKYAT.

INI TIDAK BERMAKNA BAHAWA KERAJAAN ATAU UMNO TELAH DIDORONG OLEH FAHAMAN SOSIALISMA TETAPI ADALAH KERANA PERASAAN KEMANUSIAAN DAN PEGANGAN KEPADA KEADILAN.

DARI SEGI PERHUBUNGAN ANTARABANGSA PULA, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TIDAK MENGIKAT DIRI SECARA LANGSUNG DENGAN MANA-MANA BLOK.

TEGASNYA, +PERHUBUNGAN DENGAN NEGARA KOMUNIS TIDAK BERMAKNA BAHAWA MALAYSIA TELAH MENERIMA FAHAMAN KOMUNIS, SEPERTI MANA PERHUBUNGAN DENGAN NEGARA KAPITALIS JUGA TIDAK BERMAKNA KITA MENERIMA KAPITALIS SEBAGAI SISTEM ATAU IDEOLOGI KITA.+

+DASAR KITA IALAH MASING-MASING NEGARA BERHAK MENGAMALKAN SISTEMNYA SENDIRI DAN TIDAK SIAPA PUN BERHAD CAMPURTANGAN DALAM HAL EHWAL DALAM NEGARA LAIN.+

SELAMA INI MALAYSIA TELAH MENCAPAI KEJAYAAN YANG CEMERLANG BUKAN SAHAJA DARI SEGI PERKEMBANGAN EKONOMI YANG SEIMBANG ANTARA PENDUDUK BERBILANG KAUM, TETAPI MALAYSIA TELAH BERJAYA MENEWAS SEMUA SERANGAN DAN PERCUBAAN KOMUNIS UNTUK MENAWANNYA. -- BERSAMBUNG 1810/ZCM